

31 JAN 1999

Tol

PEMBANGKANG MAHU TOL DIHAPUSKAN

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) - Para penyokong parti-parti pembangkang hari ini menyertai perhimpunan haram di beberapa plaza tol mulai kira-kira pukul 10 pagi ini bagi membantah kenaikan bayaran tol.

Di Plaza Tol Sungai Penchala, Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) di sini, perhimpunan selama kira-kira dua jam itu disertai kira-kira 500 penyokong Parti Rakyat Malaysia (PRM), Pas dan DAP.

Mereka turut meminta kerajaan menghapuskan sama sekali bayaran tol kerana menyifatkan pembinaan lebuhraya sebagai tanggungjawab kerajaan.

Presiden PRM Dr Syed Husin Ali yang ditemui di situ berkata: "Pembinaan lebuhraya adalah tanggungjawab kerajaan dan bebanan itu tidak harus diletakkan kepada rakyat kerana rakyat telah membayar cukai jalan."

Mereka turut merentangkan sepanduk serta mengedarkan risalah kepada pengguna yang melalui laluan itu.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang turut hadir untuk memberi sokongan kepada demonstrasi yang berlangsung secara aman itu.

Beberapa anggota polis trafik dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) turut mengawal keadaan.

Sementara itu, Yang Dipertua Pas Segambut, Roslan Zainal berkata tol yang dikenakan perlu dihapuskan demi menjaga kepentingan rakyat.

Di ALOR SETAR, DAP Kedah meminta kerajaan membatalkan terus hasrat untuk menaikkan kadar tol di semua lebuhraya.

Pengerusi DAP negeri George John berkata kenaikan kadar tol ketika kegawatan ekonomi membangkitkan kemarahan rakyat yang sebelum ini sudah bosan dengan pelbagai kenaikan harga barangan keperluan lain.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika mengetuai kira-kira 230 anggota DAP dan Pas yang membuat demonstrasi membantah kenaikan kadar tol di Plaza Tol Alor Setar Utara dan Selatan. Demonstrasi secara aman itu berlangsung selama 15 minit bermula pada pukul 10 pagi.

Baru-baru ini Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) mencadangkan untuk menaikkan kadar tol kepada 11.9 sen sekilometer berbanding kadar sekarang 10.5 sen sekilometer.

Tindakan itu menimbulkan bantahan pelbagai pihak termasuk daripada kalangan individu, badan bukan kerajaan (NGO) dan parti-parti pembangkang.

Berikutan itu, Rabu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan kadar tol yang lebih kecil iaitu 0.75 sen sekilometer berkuatkuasa selepas Tahun Baru Cina sebagaimana yang diminta oleh pemegang-pemegang konsesi lebuhraya.

Di SEREMBAN, kira-kira 80 orang anggota DAP dan PAS mengadakan demonstrasi di Plaza Tol Seremban dan Plaza Tol Senawang kira-kira satu jam bermula pukul 10 pagi.

Mereka membawa sepanduk membantah kenaikan tol dan kemudian bersurai secara aman.

Jurucakap polis berkata polis mengawasi demonstrasi dan tiada apa-apa kejadian yang tidak diinginkan dilaporkan berlaku.

Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad ketika ditemui pemberita selepas merasmikan bengkel kenderaan bermotor di Batu Kikir, Kuala Pilah berkata parti-parti pembangkang sengaja mengambil kesempatan daripada isu tol itu untuk mendapatkan sokongan rakyat bagi tujuan politik mereka.

Katany, mereka sepatutnya sedar bahawa tol harus dikenakan untuk tujuan menampung kos pembinaan dan penyenggaraan oleh pihak swasta yang membina lebuhraya.

-- BERNAMA
MS MAN AKD